

# Projek Skim Transformasi Pertanian Benut Menang Anugerah Pada Kongres Jauhar 2.0

Usahasama penanaman cili hijau dan merah Variati Kulai di atas tanah terbiar bawa manfaat kepada para penduduk Kg Parit Abdul Rahman, Benut



Pokok-pokok cili yang sudah memperkayakan hasil di dalam polibeg.



Deretan pokok cili yang sudah rehatng hasil Projek Skim Transformasi Pertanian Benut di Kg Parit Abdul Rahman.

**PONTIAN** - Penanaman cili menggunakan kaedah fertigasi oleh sekumpulan 15 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk membantu masyarakat kampung bukan sahaja memberi pendapatan tambahan kepada penduduk sekitar, malah turut memenangi dua anugerah pada Kongres Duta Jauhar 2.0 baru-baru ini.

Mereka memenangi Anugerah Emas tempat ketiga bagi kategori Keseluruhan Program Terbaik dan Anugerah Transformasi Pertanian Terbaik pada kongres yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Batu Pahat, dari 24 hingga 27 Februari lalu.

Kongres itu disertai 22 kumpulan yang mewakili Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Kumpulan pelajar UPM dari Persekitaran Kebajikan Anak-anak Johor melalui kerjasama Fakulti Pertanian melaksanakan projek Skim Transformasi Pertanian Benut (Benut Agricultural Transformation Scheme - BATS) di bawah program Duta Jauhar dengan mengutamakan penanaman cili menggunakan konsep pertanian fertigasi.

Dengan kerjasama Pejabat Daerah Pontian, kumpulan pelajar ini mengenalpasti kawasan tanah terbiar seuas ¼ ekar di Kampung Parit Abdul Rahman, Benut, Pontian untuk diusahakan dengan penanaman cili hijau dan merah "Kulai Varieti 461".

Pelajar tahun tiga, Sarjana Muda Pertanian Alauahaltur Fakulti Pertanian, Muhammad Ezaifuddin Sanip, yang juga timbalan pengarah program BATS berkata, kumpulan pelajar itu bersama 12 orang penduduk kampung berkenaan menjalankan kerja-kerja pemborisan kawasan pada awal September 2015 selepas jambatan siap dibina untuk memudahkan jentera memasuki ke kawasan tapak semaian.

Mereka juga menyediakan lebih 600 polibeg untuk digunakan semasa projek fertigasi, selain paip dan tangki untuk tujuan pengairan dan pembajaan.

Melalui konsep fertigasi ini, 'coco peat' atau habuk kelapa iaitu produk yang dihasilkan daripada sabut kelapa dimasukkan ke dalam polibeg sebagai ganti tanah.

Penyemaian di dalam polibeg dibuat secara berperingkat bermula dengan satu plot membabitkan 300 polibeg pada awal Oktober 2015.

Muhammad Ezaifuddin berkata, hasil mula dituai pada awal Disember 2015 sekaligus memberikan pendapatan tambahan kepada petani dan penduduk sekitar yang turut serta dalam projek itu.

Menurutnya, satu plot kawasan membabitkan 300 polibeg boleh menjana

pendapatan sehingga RM700 sebulan jika dituai pada harga RM6 sekilogram. Harga cili boleh meningkat kepada RM12 sekilogram yang akan memberikan pulangan lebih besar kepada para penanam.

"Matlamat kita adalah supaya penduduk kampung boleh mengusahakan pertanian moden itu secara sendiri, kita mahu membantu meningkatkan taraf hidup penduduk kampung.

"Kerja ini juga agak mudah. Selepas pemasangan paip dan tangki untuk saliran dan baja, petani yang terabit hanya perlu bekerja kira-kira 15 minit sehari memeriksa paip sekiranya tersumbat," katanya.

Beliau menambah, projek BATS yang diusahakan di Kampung Parit Abdul Rahman itu dipantau secara berkala oleh Fakulti Pertanian bagi memastikan ia dapat terus menjadi projek yang berdaya maju.

"Sebenarnya seronok dapat menolong orang kampung, mereka boleh berdikari selepas mengetahui kaedah penanaman yang mudah seperti ini," katanya.

Program Duta Jauhar 2.0 dicitakasan Menteri Besar, Duta Mohamed Khaled Nordin dan dianjurkan Yayasan Pelajaran Johor (YPI) bertujuan meningkatkan ekonomi masyarakat desa. - SUMBER: UPM



Kumpulan pelajar UPM dan Persekitaran Kebajikan Anak-anak Johor bergambar bersama setelah menang anugerah.